



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Faks : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mel : pro@kpkt.gov.my
Twitter : [kpkt_gov](https://twitter.com/kpkt_gov)
Facebook : Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.3 (65)

Tarikh : 24 Julai 2014

SIARAN MEDIA

OPERASI (OPS) HAPUS AEDES DI *HOTSPOT* PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

Kuala Lumpur, 24 Julai 2014 - Operasi Hapus Aedes di lokaliti *hotspot* denggi dalam PBT satu Malaysia dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) YB Datuk Halimah Mohamed Sadique pada pagi ini. Ops Hapus Aedes ini dijayakan oleh KPKT dengan kerjasama Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

2. Ops Hapus Aedes ini adalah komitmen KPKT dalam menghapuskan tempat pembiakan dan tempat yang berpotensi menjadi tempat pembiakan aedes di sekitar *hotspot* di kawasan PBT. Peningkatan kes denggi yang membimbangkan di kawasan PBT ini dipandang serius oleh KPKT.
3. Ops Hapus Denggi di *hotspot* PBT ini menekankan kepada kawasan - kawasan seperti:
 - projek terbengkalai,
 - lot/ bangunan terbiar,
 - tempat pembuangan sampah haram,
 - tempat/pusat pengumpulan barangan lusoh.
4. KPKT akan terus berkerjasama dengan PBT di seluruh negara dan agensi berkaitan bagi menangani peningkatan kes denggi di kawasan PBT berdasarkan kepada Pelan Tindakan Denggi PBT di Lokaliti *Hotspot* 2014.

5. Operasi ini adalah antara tindakan yang diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi 2014 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 14 Julai 2014 yang lalu.

6. Di antara tindakan berikut adalah untuk merangka pelan tindakan bersepadu yang lebih komprehensif melibatkan pelbagai Kementerian dan agensi berkaitan.

7. Majlis pada pagi ini dihadiri oleh pegawai kanan dari KPKT, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Kementerian Kesihatan Malaysia dan penduduk setempat.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Perumahan Pengurusan Strata dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my